

RAHIMI CHE AMAN

Kekuatan dan Cabaran Kaunseling *Brief* dari Perspektif Pelajar Program Kaunseling

RESUME: Perkhidmatan kaunseling haruslah dikendalikan dengan penuh tanggungjawab demi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dapat membantu klien. Justru, kaunseling *brief* adalah pendekatan kaunseling pasca moden yang merupakan suatu alternatif kepada kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling. Kajian ini bertujuan meneroka fokus, kekuatan, dan cabaran kaunseling *brief* dari perspektif pelajar kaunseling. Disamping itu, kajian turut mengenal pasti kesediaan pelajar kaunseling untuk mengikuti latihan kaunseling *brief*. Sampel kajian terdiri daripada 33 orang pelajar kaunseling di sebuah IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam). Pentadbiran soal selidik terbuka dilaksanakan bagi memperoleh data kajian. Data dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan analisis kandungan (content analysis). Dapatan menunjukkan bahawa majoriti sampel memilih kaunseling *brief* berfokuskan penyelesaian sebagai pilihan berbanding berfokuskan masalah. Disamping itu, majoriti sampel berpandangan bahawa kaunseling *brief* adalah suatu pendekatan yang cepat, efektif, dan berarah kepada penyelesaian. Walau bagaimanapun, isu berkaitan penggunaan soalan yang banyak kepada klien merupakan suatu cabaran bagi sampel kajian. Namun keseluruhan sampel kajian bersedia untuk mengikuti latihan kaunseling *brief* sekiranya dianjurkan.

KATA KUNCI: Kaunseling *brief*, fokus penyelesaian, pendekatan kaunseling pasca moden, serta kaunselor dan pelajar kaunseling.

ABSTRACT: This article entitled "Strength and Challenges of Brief Counseling from Perspectives among Counseling Program Students". Counseling services should be handled with the utmost responsibility to ensure that the offered services could help clients. Hence, brief counseling is a post-modern counseling approach as an alternative to the counselors in conducting counseling sessions. This study aims to explore the focus, strengths, and challenges in the brief counseling from students' perspective. A part of that, the study also identified the willingness of counseling student to attend the brief counseling training. The sample consisted of 33 counseling students in a Public Higher Education Institution. A set of open-ended questionnaire was administered in order to obtain the data. The data was analyzed by using descriptive statistics and content analysis. The findings showed that the majority of sample chose solution focused compared to problem focused. The findings also revealed that the majority of the sample viewed brief counseling as a fast, effective, and solution oriented approach. However, the issue of too many questions being employed in the session towards the clients seems to be challenge to them. Overall, majority of sample in the study are willing to attend the brief counseling training.

KEY WORD: Brief counseling, solution focused, post-modern counseling approach, and counselors and counseling students.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, kebanyakan individu bertanggungjawab bahawa perkhidmatan kaunseling merupakan suatu kaedah atau cara yang berguna untuk berhadapan dengan isu atau masalah (Presbury, Echterling & McKee, 2008). Justeru, perkhidmatan kaunseling haruslah dikendalikan dengan penuh tanggungjawab demi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dapat membantu klien. Walau bagaimanapun, seseorang kaunselor akan

berhadapan dengan beberapa isu dalam menjalankan tanggungjawabnya, seperti limitasi masa, nisbah kaunselor kepada pelajar, dan kesediaan pelajar untuk mengikuti sesi kaunseling (Che Aman, 2006).

Lantaran itu, pendekatan kaunseling *brief* merupakan suatu alternatif kepada kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling. Hal ini kerana pendekatan berkenaan merupakan suatu pendekatan pasca moden yang memberi penumpuan kepada kekuatan yang ada pada diri klien

Rahimi Che Aman, Ph.D. ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM (Universiti Sains Malaysia), Kampus Induk USM, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik dan penyelidikan, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: rahimi@usm.my

dalam usaha untuk membantu klien bebas daripada isu atau masalah yang dialaminya (Corey, 2005).

Sebagai seorang pelajar yang mengikuti program pengajian dalam bidang kaunseling, pendekatan kaunseling merupakan suatu keperluan asas yang perlu dikuasai dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran, teknik-teknik, dan strategi kaunseling. Walau bagaimanapun, kurikulum dan silibus bagi kursus teori, strategi, dan teknik kaunseling akan merangkumi pendekatan konvensional, seperti psikoanalisis, penumpuan insan, tingkah-laku, kognitif, Gestalt, dan realiti. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka fokus, kekuatan, dan cabaran kaunseling *brief* dari perspektif pelajar kaunseling. Di samping itu, maklumat berkaitan kesediaan pelajar mengikuti latihan kaunseling *brief* turut diperoleh.

Rasional kajian ini dilaksanakan adalah untuk memperoleh maklumat berkaitan fokus, kekuatan, dan cabaran bagi kaunseling *brief* dalam kalangan pelajar program kaunseling, walaupun silibus tidak mewajibkan pendekatan ini diajarkan kepada pelajar. Hal ini kerana dapatan kajian akan menunjukkan kesediaan pelajar program kaunseling untuk menambahkan pengetahuan dalam pendekatan kaunseling pasca moden secara sukarela, yang mencerminkan inisiatif pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran tersebut. Perkara sebegini mencerminkan pelajar program kaunseling mempunyai daya usaha demi mempelbagaikan pendekatan kaunseling untuk dijadikan alternatif sebagai persediaan untuk menjadi kaunselor terlatih yang kompeten.

KAJIAN LITERATUR

Keberkesanan sesi kaunseling menggabungkan personaliti kaunselor dan kemahiran teknikal yang diguna-pakai. Justeru itu, untuk mengaplikasikan teknik yang sesuai memerlukan pertimbangan yang berkaitan stail peribadi dan juga orientasi teori kaunseling yang berkaitan untuk setiap klien yang mempunyai kehidupan yang unik. G. Corey (2005) menjelaskan bahawa

pendekatan pasca moden terdiri daripada sosial konstruktivis, terapi *brief* fokus penyelesaian (*solution-focused brief therapy*), dan terapi naratif.

Mengenai kaunseling brief pendekatan pasca moden dari aspek fokus, kekuatan, dan cabaran. Kaunseling *brief* ditakrifkan sebagai pasca moden kerana memberi penekanan kepada andaian awal bahawa setiap individu adalah kompeten dan sihat, dan dalam masa yang sama mampu untuk mencari jalan penyelesaiannya sendiri berkaitan dengan isu atau permasalahan yang dihadapi. Disamping itu, pendekatan kaunseling *brief* pasca moden percaya bahawa individu adalah pakar untuk kehidupannya.

Individu yang membina cerita berkaitan kehidupan yang boleh memberi makna buat diri dan dunianya. Individu diberi kepercayaan/kuasa (*empowered*) untuk pelajari cara bagi memisahkan antara diri dan isu/permasalahan. Klien akan mempelajari bahawa dirinya bukan masalah, sebaliknya masalah adalah masalah. Sebagai kaunselor adalah berfungsi untuk membantu klien membebaskan diri dari isu atau masalah yang dihadapi dengan membuka ruang untuk bersama-sama membincangkan cerita alternatif lain. Seterusnya, klien akan membina cerita semula berkaitan diri dan perhubungannya. Perhubungan kaunseling adalah dalam bentuk kerjasama antara kaunselor dengan klien, demi membina matlamat yang mampu mengarah kepada kehidupan yang lebih sejahtera (Corey, 2005).

Lewis pada tahun 2005 menjelaskan bahawa terdapat hampir 50 model *brief* bagi kaunseling dan psikoterapi yang terdapat dalam kajian-kajian lalu (dalam Presbury, Echterling & McKee, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa kaunseling *brief* memainkan peranan utama dalam bidang kaunseling dan psikoterapi (Gross & Capuzzi, 2007). Di samping itu, sejak tahun 1980-an dan 1990-an, pendekatan kaunseling *brief* telah memberi cabaran kepada andaian umum tentang perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi memerlukan jangka masa yang panjang untuk menghasilkan

Jadual 1:
Fokus Kaunseling *Brief* dan Jantina Pelajar Program Kaunseling

		Fokus Kaunseling Brief		Jumlah
		Fokus Masalah	Fokus Penyelesaian	
Jantina	Lelaki	0	7	7
	Perempuan	2	24	26
Jumlah		2	31	33

perubahan yang signifikan dan tekal bagi klien. Namun kini, kepercayaan bahawa kaunseling *brief* mampu untuk menghasilkan perubahan hidup secara efektif telah dapat diterima-pakai secara umum (Presbury, Echterling & McKee, 2008). Kejayaan kaunselor dapat ditingkatkan sekiranya kaunselor memahami idea dan prinsip dalam kaunseling *brief*.

Kebanyakan model dalam hubungan menolong memberi tumpuan kepada masalah/isu yang dihadapi oleh klien. Fokus ini akan hanya memberi implikasi ada sesuatu yang tidak kena. Perkara sebegini akan menampakkan klien mempunyai kelemahan dan tidak yakin diri. Sebaliknya, kaunseling *brief*, terutamanya yang berorientasikan penyelesaian, menawarkan pendekatan alternatif yang memberi tumpuan ke arah positif seseorang klien (Presbury, Echterling & McKee, 2008).

Kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa pendekatan kaunseling *brief* berkesan dan membawa perubahan yang efektif kepada klien (Littrell, Malia & Vanderwood, 1995; Bruce & Hopper, 1997; Littrell & Thompson, 1998; Newsome, 2005; dan Che Aman, 2006). Justeru, sekiranya kaunselor memberi tumpuan kepada perhubungan kaunseling yang efisien, memberi fokus kepada kekuatan yang ada pada klien, dan menetapkan matlamat sesi kaunseling yang mengarah kepada masa hadapan akan membawa kepada prinsip dalam kaunseling *brief*. Walaupun fokus kepada penyelesaian, namun perhubungan antara kaunselor dengan klien tidak diabaikan sepertimana yang dikemukakan dalam Teori Penumpuan Insan daripada Carl Rogers sebagai syarat utama perhubungan kaunseling (dalam Che Aman, 2006).

KAEDAH KAJIAN

Kajian tinjauan telah dilaksanakan dengan mentadbir soal selidik terbuka berkaitan dengan maklumat demografi dan pandangan sampel terhadap pendekatan kaunseling *brief*. Pemilihan rekabentuk kajian tinjauan kerana objektif kajian ingin meneroka dan mengenal pasti maklumat berkaitan dengan fokus, kekuatan, dan cabaran kaunseling *brief* dari perspektif pelajar program kaunseling. Hal ini selaras dengan pendapat J.W. Creswell (2008) bahawa kajian tinjauan dilaksanakan dalam usaha memperoleh maklumat berkaitan sikap, pandangan, tingkah-laku, dan juga karektor sesuatu kelompok individu.

Seramai 33 pelajar (7 lelaki dan 26 perempuan) dari program kaunseling di sebuah IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis kandungan. Analisis kandungan dilaksanakan bagi memperoleh maklumat berkaitan kekuatan, cabaran, dan fokus kaunseling *brief*. Di samping itu, kesediaan pelajar mengikuti latihan kaunseling *brief* turut diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis data mendapati hanya dua orang pelajar perempuan memilih kaunseling *brief* berfokuskan masalah; manakala majoriti pelajar perempuan, iaitu seramai 24 orang, telah memilih kaunseling *brief* berfokuskan penyelesaian. Seterusnya, kesemua pelajar lelaki, iaitu seramai tujuh orang, telah memilih kaunseling *brief* berfokuskan penyelesaian. Maklumat lanjut merujuk kepada jadual 1 berikut ini.

Jadual 2:
Kekuatan Kaunseling *Brief*

Kekuatan Kaunseling <i>Brief</i>	Frekuensi (Bilangan Sampel)
Suatu alternatif kepada kaunselor	1
Beri klien penyelesaian positif	1
Cepat, efektif, penyelesaian masalah	14
Jimat masa, kos, singkat	9
Cepat mendapat celik akal sendiri	3
Mudah dilaksanakan	1
Menekan masalah klien secara mendalam	1
Penyelesaian mudah difahami	1
Tidak anggap klien sebagai individu bermasalah	1
<i>Straight to the point</i>	1
Jumlah	33

Jadual 3:
Cabaran dalam Melaksanakan Kaunseling *Brief*

Cabaran Kaunseling <i>Brief</i>	Frekuensi (Bilangan Sampel)
Mengambil masa	1
Banyak mengemukakan soalan kepada klien	6
Fokus terus kepada penyelesaian	2
Mungkin tidak dapat kenal pasti masalah sebenar	5
Klien pasif akan sukar respon	1
Kurang berkesan untuk klien bergantung	1
Kurang pendedahan	1
Lambat mendapat celik akal	4
Memerlukan tahap kognitif klien yang tinggi	1
Klien terbantut untuk bercerita masalah dengan lebih mendalam	1
Singkat	1
Skop yang kecil dan tidak mendalam	4
Sukar untuk kaunseling kelompok	1
Terlalu fokus kepada masalah hingga mengabaikan penyelesaian	1
Tidak fokus perasaan klien	1
Ragu-ragu, sama ada suatu masalah dapat diselesaikan atau tidak.	2
Jumlah	33

Disamping itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa sampel mempunyai pandangan yang pelbagai tentang kekuatan kaunseling *brief*. Majoriti daripada sampel kajian (14 orang) berpandangan bahawa kekuatan kaunseling *brief* adalah kerana pendekatan ini cepat, efektif, dan ke arah penyelesaian masalah. Diikuti dengan seramai sembilan orang pelajar berpendapat bahawa kaunseling *brief* adalah merupakan pendekatan yang menjimatkan masa, kos, dan mampu untuk membantu klien dalam masa yang singkat.

Seterusnya, seramai tiga orang pelajar menyatakan bahawa kaunseling *brief*

mampu untuk membantu klien dengan cepat untuk mendapat celik akal dengan sendiri. Minoriti daripada sampel kajian berpendapat bahawa kekuatan kaunseling *brief* adalah kerana ianya merupakan suatu alternatif kepada kaunselor, disamping pendekatan sedia ada. Disamping itu, terdapat seorang pelajar menyatakan bahawa kaunseling *brief* membantu klien mencari penyelesaian positif.

Terdapat seorang pelajar berpendapat bahawa kaunseling *brief* mudah dilaksanakan, penyelesaian mudah difahami, dan memberi penumpuan kepada masalah klien dengan mendalam. Lanjutan

Jadual 4:
Kesediaan Mengikuti Latihan Kaunseling *Brief*

Kesediaan Ikuti Latihan Kaunseling <i>Brief</i>	Jantina	Frekuensi (Bilangan Sampel)
Bersedia	Lelaki	7
	Perempuan	26
Tidak bersedia		0
Jumlah		33

itu terdapat seorang sampel berpandangan bahawa kekuatan kaunseling *brief* adalah tidak menganggap klien sebagai individu bermasalah dan perbincangan terus kepada isu yang dikemukakan oleh klien. Maklumat lanjut merujuk kepada jadual 2 berikut ini.

Berdasarkan analisis kandungan yang dilaksanakan, cabaran dalam melaksanakan kaunseling *brief* mendapati seramai enam orang sampel berpendapat bahawa kaunseling *brief* banyak mengemukakan soalan kepada klien. Manakala seramai lima orang sampel mengemukakan bahawa cabaran kaunseling *brief* adalah kemungkinan tidak dapat mengenal pasti masalah yang sebenar. Cabaran seterusnya adalah lambat mendapatkan celik akal dan skop yang kecil serta tidak mendalam (empat sampel).

Seterusnya, dua orang sampel berpendapat bahawa cabaran kaunseling *brief* adalah ia memfokus terus kepada penyelesaian dan masih ada perasaan ragu-ragu, sama ada sesuatu masalah tersebut dapat diselesaikan dengan menggunakan pendekatan kaunseling *brief*. Butiran lanjut merujuk kepada jadual 3 berikut ini.

Selanjutnya, maklumat berkaitan kesediaan mengikuti latihan kaunseling *brief* telah diperoleh demi mengenal pasti kesediaan pelajar program kaunseling untuk mendapatkan latihan kaunseling *brief*. Hasil analisis data mendapati bahawa keseluruhan pelajar program kaunseling bersedia untuk mengikuti latihan tentang pendekatan kaunseling *brief*, iaitu mewakili sebanyak tujuh orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar perempuan. Maklumat lanjut merujuk kepada jadual 4 berikut ini.

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini melibatkan aspek kekuatan, cabaran, dan

fokus kaunseling *brief* dalam kalangan pelajar program kaunseling. Majoriti pelajar memilih fokus kaunseling *brief* berorientasikan penyelesaian. Fokus kepada penyelesaian berlaku sekiranya kaunselor memberi tumpuan kepada perkara yang mampu dilakukan oleh klien, berbanding perkara yang tidak mampu dalam sesi kaunseling (Quick, 1996; dan Sklare, 2005).

Kaunseling *brief* yang berfokuskan kepada penyelesaian juga dapat membantu klien memberi tumpuan kepada tiga perkara utama, iaitu pengecualian masalah, sumber-sumber yang ada, dan matlamat (Littrell, 1998). Justeru itu, majoriti pelajar kaunseling memberi fokus kepada penyelesaian dalam penggunaan kaunseling *brief*. Hal ini kerana fokus kepada penyelesaian dapat memberi rasa keyakinan kepada klien untuk berubah berdasarkan kekuatan yang ada pada dirinya. Sebaliknya, sekiranya memberi tumpuan kepada masalah akan menimbulkan rasa rendah diri dan kekurangan dalam diri klien dan akan memakan masa yang lebih lama.

Fokus kepada penyelesaian juga selaras dengan dapatan kajian, yang turut menunjukkan majoriti sampel kajian menjelaskan bahawa kekuatan pendekatan kaunseling *brief* adalah terletak kepada cepat, efektif, dan berorientasikan penyelesaian masalah. Disamping itu juga, sampel kajian berpendapat bahawa pendekatan kaunseling *brief* adalah menjimatkan masa, kos, dan memerlukan masa yang singkat atau melibatkan limitasi masa.

Perkara ini selaras dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Talmon pada tahun 1990 bahawa terdapat kajian lalu yang menunjukkan kebiasaan tempoh sesi kaunseling adalah satu sesi (dalam Presbury, Echterling & McKee, 2008). Hal ini menunjukkan 78% daripada klien dalam

salah satu kajian tersebut menjelaskan bahawa masalah mereka bertambah baik selepas sesi pertama dan klien telah memperoleh yang dikehendaki dalam sesi kaunseling.

Kekuatan kaunseling *brief* turut disokong berdasarkan kajian Rahimi Che Aman (2006), yang menggunakan dua sesi kaunseling *brief* dan dua sesi susulan dalam kalangan pelajar ponteng sekolah. Hasil kajian tersebut turut menunjukkan bahawa terdapat pengurangan kadar ponteng sekolah dan peningkatan penghargaan sendiri pelajar yang ponteng sekolah. Kajian ini telah membuktikan bahawa salah satu kekuatan kaunseling *brief* adalah bilangan sesi yang terhad dan dapat menjimatkan masa, kos, dan tenaga.

Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam melaksanakan kaunseling *brief* dari perspektif sampel kajian adalah pendekatan ini banyak mengemukakan soalan. Cabaran ini selaras dengan orientasi pendekatan kaunseling *brief* yang berorientasikan tindakan (Kottler & Brown, 2000), yang mengarahkan kepada sesi kaunseling dengan menggunakan soalan-soalan, seperti soalan ajaib atau *miracle question* (Sklare, 2005) dan soalan berskala demi membuka ruang untuk klien memikirkan sesuatu perkara yang membantu ke arah penyelesaian.

Walaupun mengemukakan soalan merupakan cabaran dalam sesi kaunseling *brief*, namun soalan berskala mempunyai tujuan yang tersendiri, iaitu untuk mengukur progres klien, meneroka langkah seterusnya, dan juga untuk mengenal pasti motivasi dan juga kesediaan klien untuk mengambil tindakan terhadap isu yang dikemukakan (Burwell & Chen, 2006). Meskipun sampel kajian berpandangan bahawa cabaran kaunseling *brief* adalah mengemukakan soalan dan berorientasikan tindakan, namun J.J. Schmidt (1999) berpandangan bahawa kekuatan kaunseling *brief* dalam konteks sekolah adalah kerana kaunseling *brief* menekankan isu secara spesifik serta berorientasikan tindakan.

Sememangnya, cabaran kaunseling *brief* adalah dari segi penggunaan pelbagai

bentuk soalan, terutama dalam isu-isu kehibaian (*grief*). Dalam kaunseling *brief* berfokuskan penyelesaian terdapat pelbagai bentuk persoalan dikemukakan, seperti soalan daya tindak (*coping questions*), soalan pengecualian (*exceptions questions*), *on-track questions*, soalan perhubungan (*relationship questions*), soalan berskala (*scaling questions*), dan soalan ajaib (*miracle questions*). Pelbagai jenis soalan ini digunakan dalam sesi kaunseling yang melibatkan klien yang kehilangan sesuatu secara signifikan dan melibatkan isu-isu kehibaian atau *grief* (Humphrey, 2009).

Disamping itu, sampel juga masih ragu-ragu, sama ada kaunseling *brief* dapat membantu klien menyelesaikan masalah yang dikemukakan atau tidak. Dapatan ini bertentangan dengan kajian-kajian lalu yang telah terbukti kejayaan dan keberkesanan sesi kaunseling *brief* dalam membantu klien untuk berhadapan dengan isu atau masalah yang dikemukakan, seperti kajian yang dilakukan oleh J.M. Littrell, J.A. Malia dan M. Vanderwood (1995); M.A. Bruce dan G.C. Hopper (1997); J.M. Littrell dan R. Thompson (1998); W.S. Newsome (2005); dan Rahimi Che Aman (2006).

Selanjutnya, juga terdapat sampel kajian beranggapan bahawa kaunseling *brief* berkemungkinan tidak dapat mengenal pasti masalah sebenar seseorang klien. Hal ini kerana kaunseling *brief* memberi tumpuan kepada masalah yang dikemukakan oleh klien. Perkara sebegini berlaku kerana sampel kajian berpendapat bahawa skop sesi kaunseling *brief* adalah kecil dan tidak mendalam.

Walaupun cabaran yang dikemukakan oleh sampel kajian, namun keseluruhan daripada sampel kajian bersedia untuk mengikuti latihan dalam pendekatan kaunseling *brief* sekiranya ditawarkan. Hal ini merujuk kepada sikap pelajar untuk memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan berkaitan pendekatan kaunseling pasca moden berdasarkan inisiatif diri, sekiranya perkara ini tidak didedahkan di dewan kuliah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini telah memaparkan aspek fokus, kekuatan, dan cabaran pendekatan kaunseling *brief* dari perspektif pelajar program kaunseling. Kekuatan utama kaunseling *brief* yang dikenalpasti daripada kajian ini adalah aspek efektif, cepat, dan berorientasikan penyelesaian. Manakala cabaran utama adalah penggunaan soalan yang banyak semasa mengendalikan sesi kaunseling *brief* kerana ia berorientasikan tindakan dan penyelesaian.

Walau bagaimanapun, kesemua sampel bersedia menghadiri sesi latihan kaunseling *brief*. Perkara ini selaras dengan hasrat untuk melengkapkan diri pelajar program kaunseling dengan pendekatan kaunseling pasca moden. Hal ini penting dalam memastikan mereka tidak ketinggalan dalam memperoleh ilmu pengetahuan kaunseling seiring dengan perubahan semasa. Justeru, pelajar kaunseling akan menjadi kaunselor yang kompeten dengan pengetahuan dan juga kemahiran kaunseling daripada pendekatan konvensional dan juga pendekatan pasca moden.

Bibliografi

- Bruce, M.A. & G.C. Hopper. (1997). "Brief Counseling Versus Traditional Counseling: A Comparison of Effectiveness" dalam *The School Counselor*, 44(3), ms.171-184.
- Burwell, R. & C.P. Chen. (2006). "Applying the Principles and Techniques of Solution-Focused Therapy to Career Counseling" dalam *Counselling Psychology Quarterly*, 19(2), ms.189-203.
- Che Aman, Rahimi. (2006). "Kesan Kaunseling Brief Individu ke Atas Penghargaan Kendiri dan Kadar Ponteng Pelajar Ponteng Sekolah". *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Corey, G. (2005). *Case Approach to Counseling and Psychotherapy*. Canada: Thomson Brooks/Cole, 6th edition.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Gross, D.R. & D. Capuzzi. (2007). "Developing Relationship: From Core Dimensions to Brief Approaches" dalam D. Capuzzi & D.R. Gross [eds]. *Counseling and Psychotherapy: Theories and Interventions*. Upper Saddle River: Merrill/Prentice Hall, 4th edition.
- Humphrey, K.M. (2009). *Counseling Strategies fo Loss and Grief*. Alexandria: American Counseling Association.
- Kottler, J.A. & R.W. Brown. (2000). *Introduction to Therapeutic Counseling: Voices from the Field*. Belmont, C.A.: Brooks/Cole.
- Littrell, J.M. (1998). *Brief Counseling in Action*. London: W.W. Norton & Company.
- Littrell, J.M., J.A. Malia & M. Vanderwood. (1995). "Single-Session Brief Counseling in a High School" dalam *Journal of Counseling and Development*, 73(4), ms.451-458.
- Littrell, J.M. & R. Thompson. (1998). "Brief Counseling for Student with Learning Disabilities" dalam *Professional School Counseling*, Vol.2 [October]. Tersedia juga di: <http://ehostvgwl.epnet.com/delivery.as> [dilayari di Pulau Pinang, Malaysia: 21 Mac 2012].
- Newsome, W.S. (2005). "The Impact of Solution Focused Brief Therapy with at-Risk Junior High School Students" dalam *Children & Schools*, 27(2), ms.83-90.
- Presbury, J.H., L.G. Echterling & J.E. McKee. (2008). *Beyond Brief Counseling and Therapy*. Ohio: Merrill Prentice Hall, 2nd edition.
- Quick, E.K. (1996). *Doing Shat Work in Brief Therapy: A Strategic Solution Focused Approach*. London: Academic Press.
- Schmidt, J.J. (1990). *Counseling in Schools: Essential Services and Comprehensive Programs*. Needham Heights: Allyn & Bacon, 3rd edition.
- Sklare, G.B. (2005). *Brief Counseling that Works: A Solution-Focused Approach for School Counselors and Administrators*. California: Corwin Press.



Kaunseling Brief: Antara Fokus, Kekuatan, dan Cabaran
(Sumber: Album Foto ASPENSI Bandung, 28/9/2012)

Pendekatan kaunseling *brief* merupakan suatu alternatif kepada kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling. Hal ini kerana pendekatan ini merupakan suatu pendekatan pasca moden yang memberi penumpuan kepada kekuatan yang ada pada diri klien dalam usaha untuk membantu klien bebas daripada isu atau masalah yang dialaminya.